

KAJIAN TENTANG PENGURUSAN SUMBER AIR MAMPAN DI DALAM SISTEM FEDERALISME MALAYSIA

Rasyikah Md. Khalid
rasyikah@ukm.edu.my

Abstrak

Air sangat penting untuk kehidupan manusia dan perlu diguna dan diurus dengan cara yang mampan. Pengurusan sumber air yang tidak cekap dan bersepadu telah membawa kepada pembangunan yang tidak mampan dan menyebabkan masalah air seperti pencemaran, tanah runtuh dan banjir kilat. Perubahan iklim juga telah mempercepatkan kitaran hidrologi dan membawa suasana cuaca ekstrem seperti banjir dan kemarau panjang. Hampir dua dekad, pengurus air di Malaysia percaya bahawa pengurusan sumber air bersepadu dan pengurusan lembangan sungai bersepadu dapat menyelesaikan masalah ini. Namun wujud konflik perlembagaan di antara kerajaan persekutuan dan negeri di dalam sektor air yang menyebabkan ketidaksepaduan antara agensi berkaitan air. Ini jelas ketara di negeri Selangor kerana kerajaan negeri adalah daripada parti politik yang berbeza dengan kerajaan persekutuan; dan Selangor telah menubuhkan lembaga pengurusan airnya sendiri. Walaupun persetujuan dan kesepaduan dapat dicapai diantara mereka, pengguna air mungkin tidak dapat mengadaptasi perubahan iklim dengan sepenuhnya kerana mereka tidak terlibat dalam pengurusan sumber air dan keputusan tidak dibuat oleh pihak yang paling efektif dan dekat dengan masalah air. Oleh itu, kajian ini ingin memperkenalkan konsep baru yang dapat memastikan pengurusan air yang lebih menyeluruh untuk kemampanan air. Ia mengkaji undang-undang dan keputusan mahkamah yang berkaitan untuk memberi asas perundangan kepada konsep kemampanan. Temubual juga diadakan dengan agensi berkaitan air untuk memahami kenapa konflik bidang kuasa wujud dan bagaimanakah untuk mengatasinya. Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat satu keperluan untuk menilai semula hubungan kerajaan pusat-negeri-tempatan dalam sektor air. Oleh itu satu konsep baru iaitu 'pengurusan sumber air mampan' diwujudkan untuk melaksanakan fahaman baru tentang bagaimana untuk memperbaiki sektor air. Konsep ini menerapkan bukan sahaja prinsip integrasi dan penglibatan, malah prinsip adaptasi yang boleh meningkatkan daya adaptasi pihak berkepentingan terhadap perubahan iklim. Prinsip subsidiariti digunakan untuk memberi kuasa membuat keputusan tentang adaptasi, integrasi dan partisipasi kepada kerajaan yang paling efektif dan dekat dengan masalah air. Kerangka ini memberi peluang untuk sistem federalisme secara kerjasama dimana kerajaan persekutuan boleh menurunkan tugas eksekutif dan bantuan kewangan kepada kerajaan bawahan untuk melaksanakan dasar persekutuan; manakala peruntukan kewangan akan ditarik balik jika mereka gagal melaksanakan tugas dalam kerangka peraturan yang telah dipersetujui. Ini memberikan kerajaan persekutuan lebih masa untuk memikirkan isu nasional seperti adaptasi perubahan iklim and penyelesaian konflik antara lembangan.

A STUDY ON SUSTAINABLE WATER RESOURCES MANAGEMENT WITHIN THE MALAYSIAN FEDERALISM SYSTEM

Rasyikah Md. Khalid
rasyikah@ukm.edu.my

Abstract

Water is vital for human life and must be managed and used in a sustainable manner. Inefficient and non-integrated management of water resources in Malaysia has contributed to unsustainable development and caused water related problems like river pollution, landslide and flash flood. Recent changes in climate has also intensified the normal hydrological cycle and led to extreme weather events like prolonged flood and drought. For nearly two decades, water managers in Malaysia believe that integrated water resources management (IWRM) and its subset, integrated river basin management (IRBM), can solve the problems. Nevertheless, constitutional conflict that arises between the federal and state governments in the water sector leads to non-integration of water related agencies. This is obvious in the state of Selangor as the state government comes from the political party different from the federal government; and Selangor has established its own water resources management authority. In addition, even if agreement and integration is achieved between them, water users are not able to adapt fully to the impact of climate change as they do not participate in the management process and decision making is not made by the most effective level of government closest to the water problem. Due to these concerns, the research aims to provide an alternative concept of water resources management that ensures a more holistic management in the sector towards water sustainability. It analyzes relevant legislations and decided case to provide a legal basis for the concept of sustainability. Interviews were also conducted with water related agencies to understand why constitutional conflict arises and what could be the possible solution. The findings reveal that there is a need to revisit the present federal-state-local government relationship in the sector by redefining their roles in water resources management. Towards this end, a new concept of sustainable water resources management (SWRM) is established to implement the new understanding of how to improve the water sector. SWRM will include not only departmental integration and stakeholder participation, but also increase stakeholder's adaptive capacity towards climate change. The theory of subsidiarity is used to allocate decision making power on adaptation, integration and participation to the most effective level closest to the water problem. The new SWRM framework offers an opportunity for cooperative federalism in Malaysia whereby the federal government delegates its executive duty and provides financial assistance to the lower governments to implement federal policies. The support will be withdrawn if they fail to accomplish their tasks within an agreed regulatory framework. This leaves the federal government more time to focus on national issues like climate change adaptation and inter-basin conflict resolution.